

10/10/1999

Perangi fitnah (HL)

Jamhariah Jaafar; Zainudin Isa; Azman Abdul Hamid

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Umno akan mengadakan kempen besar-besaran memerangi fitnah dan pembbohongan yang disebarkan parti pembangkang, di seluruh negara dengan serta merta.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, kempen itu penting kerana fitnah dan pembbohongan yang dilemparkan parti pembangkang didapati amat mengelirukan rakyat.

"Ia lebih menjadi-jadi kali ini berbanding pilihan raya lepas. Banyak perkara yang tidak benar disebar oleh parti lawan dalam usaha mereka untuk mendapat sokongan bagi diri mereka, dalam usaha untuk menimbul kebencian kepada kerajaan dan pemimpin kerajaan.

"Justeru, kita akan mengadakan suatu perang melawan fitnah dan pembbohongan dan ini akan dilakukan seluruh negara supaya pembbohongan tidak akan diterima rakyat," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, kempen itu berterusan sehingga tarikh pilihan raya ditetapkan dan ia diadakan dalam pelbagai bentuk termasuk ucapan penjelasan, penyebaran risalah dan kursus.

Beliau berkata, Umno bertanggungjawab memberi penjelasan sebenar kepada rakyat berkaitan isu yang memburuk-burukkan kerajaan dan pemimpin parti supaya rakyat tidak mudah tertipu atau terkeliru.

Dr Mahathir berkata, ada segelintir rakyat yang terkeliru sehingga mereka bertindak ganas, merusuh dan menimbulkan kekacauan.

Beliau berkata, keadaan itu menyebabkan pelancong dan pelabur asing takut untuk melawat dan membuat pelaburan ekonomi di Malaysia. Ia juga, katanya, mengganggu perniagaan penjaja dan peniaga kecil.

"Oleh itu, kempen dijalankan dengan serta merta kerana kita dapati pembbohongan begitu ketara sekali sehingga rakyat gelisah, seperti pembbohongan berkenaan kes racun ini.

"Oleh kerana kononnya si polan sudah diracuni, maka ada yang bertindak secara ganas sehingga memukul pegawai polis.

"Jadi nampak cara ini berkesan untuk kelirukan rakyat, sehingga rakyat yang biasanya tenteram dan suka kepada keamanan, merusuh dan membuat perkara tidak baik sehingga merosakkan imej negara, menghalang ekonomi negara dengan cara menimbulkan ketakutan kepada orang asing untuk melawat Malaysia sebagai pelancong atau untuk datang melabur," katanya.

Beliau juga memberi beberapa contoh tohmahan dan pembbohongan yang dilemparkan parti lawan seperti tuduhan kononnya kerajaan menyuntik kuman HIV kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Misalnya, dulu dituduh kononnya kerajaan akan menyuntik kuman HIV. Tetapi kuman HIV ini kadang-kadang 10 tahun selepas ia kena, barulah ia terima atau baru dikesan.

"Jadi, tuduhan ini dibuat kerana mereka sendiri percaya kemungkinan Anwar ini mempunyai Aids. Jadi, kalau dapat Aids, maka mereka akan tuduh itu datangnya daripada suntikan oleh kerajaan.

"Tapi, sebaliknya kita tahu, mungkin ia dapat 10 tahun dulu, tapi baru muncul sekarang," katanya.

Ditanya sama ada kempen itu agak terlewat diadakan oleh Umno, Dr Mahathir berkata: "Tidak terlambat".

(END)